

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HGG 453 - Pengurusan Sumber

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan semuanya, sekurang-kurangnya SATU [1] soalan MESTI dijawab daripada setiap Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A

1. Merujuk kepada pembinaan lebuhraya utara-selatan, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) apakah Penilaian Impak Sosial (SIA). (4 markah)
- (b) mengapa ia perlu. (4 markah)
- (c) bilakah penilaian ini boleh dilakukan? (3 markah)
- (d) apakah kepentingannya? (4 markah)
- (e) bagaimana melakukannya? (10 markah)

2. SAMA ADA

(a) Penilaian dan pengagihan adalah dua aspek pengurusan sumber yang penting dan berkait rapat. Huraikan dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu.

(25 markah)

.../2

ATAU

- (b) Pengurusan sumber asli memerlukan pengetahuan yang luas tentang teknik-teknik yang berkaitan. Dengan merujuk kepada pembangunan Bukit Bendera,uraikan aplikasi mana-mana tiga teknik penilaian dalam proses pengagihan sumber asli.

(25 markah)

BAHAGIAN B

3. "Sebarang laporan EIA bukan bertujuan untuk memberi justifikasi bagi satu-satu projek dan oleh itu, pernyataan mestilah disampaikan secara objektif" (Kerr, 1977:24). Dengan merujuk kepada laporan-laporan EIA di Malaysia bincangkan sejauh mana laporan-laporan ini telah memenuhi syarat di atas.

(25 markah)

4. Dalam kaedah Analisis Manfaat-Kos ses sebuah projek dianggap sebagai sesuai untuk dilaksanakan apabila manfaat dari projek melebihi kos yang akan ditanggung. Apakah kriteria atau panduan untuk menentukan pilihan antara beberapa projek alternatif?

(25 markah)

BAHAGIAN C

5. Pengamatan permukaan muka bumi melalui penderiaan jauh (remote sensing) boleh dilakukan sama ada dengan menggunakan satelit atau pesawat udara. Bincangkan kelebihan-kelebihan dan kelemahan-kelemahan tiap-tiap pendekatan ini bagi tujuan pengurusan sumber.

(25 markah)

6. Huraikan model-model data utama bagi mewakilkan entiti geografi dalam sistem maklumat geografi. Pada pendapat anda data model yang manakah lebih sesuai bagi tujuan pengurusan sumber.

(25 markah)